

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN  
DEWAN NEGARA MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB SENATOR DATUK WIRA KOH NAI  
KWONG**

**TARIKH : 20 OKTOBER 2021 (RABU)**

**SOALAN**

**YB Senator Datuk Wira Koh Nai Kwong** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan apakah inisiatif yang dilaksanakan oleh Kementerian untuk mengurangkan kes ibu bapa yang ditinggalkan oleh anak sendiri.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Salah satu prinsip **Dasar Keluarga Negara** menekankan kepada inisiatif penerapan **nilai-nilai murni kekeluargaan bagi menjamin pembangunan sosial yang mampan**. Penghayatan nilai-nilai ini juga dapat mewujudkan keluarga yang sejahtera dan pembangunan insaniah yang selari dengan pembangunan fizikal.

Sebagai langkah untuk menyuburkan rasa penghargaan, tanggungjawab dan kasih sayang dalam kalangan generasi muda terhadap golongan ibu bapa, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) telah merencanakan dan melaksanakan pelbagai program. Antaranya ialah:

- a) **Sambutan Hari Ibu dan Hari Bapa**
- b) **Sambutan Hari Keluarga Kebangsaan**
- c) **Program Ilmu Keluarga@LPPKN**
  - a. Modul Persediaan Perkahwinan dan Pemantapan Perkahwinan (Bahtera Kasih);
  - b. Modul Keibubapaan (Pancaran Kasih);
  - c. Modul Keibubapaan dan Anak Kecil (Belaian Kasih);
  - d. Modul Keibubapaan dan Anak Remaja (Mutiara Kasih); dan
  - e. Modul Pembangunan Remaja (Permata Kasih).

KPWKM yakin masyarakat Malaysia hari ini masih berpegang teguh kepada pegangan agama dan nilai budaya timur yang tinggi dalam memupuk kasih sayang terhadap ibu bapa atau anggota keluarga yang lanjut usia. Adalah menjadi tanggungjawab anak-anak untuk menjaga dan seterusnya menyara ibu bapa mereka yang telah tua. Dalam hal ini, kerajaan **telah menyediakan kemudahan inisiatif pelepasan cukai sebanyak RM5,000 kepada anak-anak yang membiayai perbelanjaan**

rawatan perubatan, keperluan khas dan penjaga ibu bapa sebagai galakan kepada anak-anak untuk menjaga ibu bapa mereka.

Kebajikan warga emas adalah **tanggungjawab bersama antara Kerajaan, komuniti dan keluarga**. Di bawah strategi penglibatan dan kesepaduan antara generasi, Kerajaan mengambil langkah proaktif untuk memperkasa dan mendayaupayakan komuniti bagi memperkenalkan konsep **Penjagaan Warga Emas Berasaskan Komuniti**. Berikut adalah inisiatif pemerikasaan komuniti bagi tujuan tersebut :

**i) Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE)**

PAWE merupakan **satu perkhidmatan bercorak pendampingan sosial dan pembangunan kepada warga emas**. Dengan adanya program sebegini cabaran yang dihadapi sebahagian daripada warga emas yang cenderung kepada sindrom **sarang kosong** iaitu rasa kesunyian dan sedih akibat tinggal bersendirian kerana berjauhan dengan anak dapat ditangani dengan penglibatan ahli masyarakat. Sejak penubuhan sehingga Ogos 2021 seramai 49,675 warga emas telah berdaftar dengan 143 buah PAWE sedia ada di seluruh negara. Tahun ini, Kerajaan telah memperuntukkan pertambahan 10 buah lagi PAWE baharu.

**ii) Khidmat Bantu di Rumah (*Home Help Services*)**

Program Khidmat Bantu di Rumah dilaksanakan oleh sukarelawan kebajikan serta pertubuhan bukan Kerajaan (NGO). Program ini merupakan satu program yang **memberi khidmat sokongan kepada warga emas terutama mereka yang tinggal bersendirian semasa ketiadaan ahli keluarga di rumah**. Sehingga Jun 2021, seramai **3,026 orang sukarelawan** telah melibatkan diri dalam program ini dan telah memberi manfaat kepada **8,780 warga emas**.

**iii) Unit Penyayang Warga Emas (UPWE)**

Program Unit Penyayang Warga Emas (UPWE) pula **menyediakan perkhidmatan dan kemudahan pengangkutan kepada warga emas untuk mendapatkan pemeriksaan dan rawatan kesihatan di hospital /klinik sama ada hospital/klinik yang disediakan oleh kerajaan mahupun swasta**.

**iv) Bantuan Warga Emas**

Bantuan ini bertujuan menampung keperluan asas warga emas yang tiada sokongan dari ahli keluarga. **Bantuan bulanan sebanyak RM500 ini** membantu untuk menampung keperluan asas warga emas supaya mereka boleh terus tinggal bersama keluarga di dalam komuniti. Ini adalah usaha mengelakkan penempatan warga emas di institusi yang merupakan alternatif terakhir. Bagi tahun 2021 (hingga Julai 2021) Kerajaan telah menyalurkan **Bantuan Warga Emas kepada 138,599 warga emas dengan peruntukan sebanyak RM494.4 juta.**

**v) Bantuan Penjagaan Pesakit Kronik (BPT) Terlantar**

Selain itu, KPWKM turut menyalurkan **Bantuan Penjagaan Pesakit Kronik (BPT) Terlantar dengan kadar RM500 seorang sebulan** bagi membantu mengurangkan bebanan perbelanjaan keluarga penjaga termasuk anak yang menjaga ibu atau bapa terlantar. **Bagi tahun 2021 (hingga Julai 2021)** Kerajaan telah menyalurkan BPT kepada **26,004 orang dengan peruntukan sebanyak RM94 juta.**

**vi) Bantuan Kerajaan kepada Pertubuhan Sukarela Kebajikan (PSK)**

Bagi menggalakkan komuniti menyediakan perkhidmatan jagaan kepada warga emas, Kerajaan telah menyediakan bantuan kewangan kepada PSK. Bagi tahun 2021, Kerajaan telah memberi bantuan kewangan kepada **21 buah PSK Warga Emas dengan peruntukan sebanyak RM1.6 juta.**

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN  
DEWAN NEGARA MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

---

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB SENATOR PUAN SUSAN CHEMERAI  
ANDING**

**TARIKH : 20 OKTOBER 2021 (RABU)**

**SOALAN**

**Puan Susan Chemerai Anding** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan **langkah-langkah** yang diambil Kementerian untuk menangani **kesan negatif penggunaan peranti mudah alih** yang berlebihan kepada kanak-kanak.

**JAWAPAN**

1. Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) memandang serius akan kesan terhadap penggunaan peranti mudah yang berlebihan dalam kalangan kanak-kanak. Menyedari kepentingan isu ini pada tahun 2015, KPWKM telah melancarkan Pelan Tindakan mengenai Perlindungan Dalam Talian Kanak-kanak (PTCOP) (2015 – 2020) untuk menangani masalah aktiviti dalam talian di kalangan kanak-kanak, terutamanya dalam kes buli siber dan pornografi.
2. Pelan Tindakan ini yang merangkumi program dan tindakan bersepadu telah dilaksanakan oleh semua pihak terutamanya agensi Kerajaan dalam melindungi kanak-kanak dalam dunia siber. Pelan Tindakan ini juga berperanan sebagai pemangkin dalam meningkatkan kesedaran dan komitmen setiap anggota masyarakat terutamanya ibu bapa, penjaga, guru, komuniti dan NGO. Pelan ini menekankan **4 aspek utama** iaitu advokasi, pencegahan, intervensi dan khidmat sokongan.
3. Objektif utama PTCOP adalah;
  - a. Untuk meningkatkan kesedaran dan komitmen semua pihak berkepentingan untuk melindungi kanak-kanak di dunia siber.
  - b. Untuk melindungi kanak-kanak dari sebarang ancaman siber.
  - c. Untuk memastikan bahawa kanak-kanak yang terlibat dalam ancaman siber mendapat bantuan sokongan intervensi dan pemulihan, dan  
Untuk mengukuhkan sokongan perkhidmatan bagi mencegah ancaman siber terhadap kanak-kanak.
4. Berdasarkan kepada PTCOP, beberapa inisiatif untuk meningkatkan pengetahuan dan kesedaran kepada ibu bapa dan masyarakat berkaitan penggunaan dan keselamatan siber telah dilaksanakan oleh agensi di bawah KPWKM seperti Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), Institut Sosial Negara dan Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) seperti berikut.

**Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN)**

- (i) Program Pendidikan Keselamatan Keluarga dan Anak (PEKA) yang telah diperkenalkan pada tahun 2016 memberi pendidikan dan pengetahuan kepada ibu bapa mengenai aspek keselamatan yang mencakupi keselamatan di rumah, di luar rumah dan dalam talian. Melalui modul PEKA, ibu bapa dan penjaga diberi panduan keselamatan dalam melayari Internet yang menekankan kepada penggunaan Internet secara berhemah dan selamat, termasuklah penggunaan peranti mudah alih.

Selain daripada itu, bagi memperluaskan modul PEKA ini, juga telah dianjurkan sebanyak 5 Program Kejurulatihan untuk 205 jurulatih yang dijalankan pada tahun 2018 hingga 2021 dengan rakan strategik seperti KEMAS, Jabatan Perpaduan, JKM dan NGO. Sebanyak 288 program telah dilaksanakan yang memberi manfaat kepada 17,550 peserta telah mendapat manfaat daripada program yang dianjurkan.

- (ii) Penganjuran program pendidikan keibubapaan yang menekankan keselamatan siber, penggunaan gajet dan keselamatan kanak-kanak di alam siber telah diadakan. Ini termasuk Forum "*Digital Parenting and Child Online Protection*" dengan kerjasama UNICEF. Seramai 175 peserta telah mengikuti semua forum tersebut.
- (iii) Kempen-kempen kesedaran bersama NGO berkaitan penggunaan gajet yang positif seperti "*No Gadget Hour*" atau Masa Tanpa Gajet yang bertujuan memberi kesedaran kepada masyarakat untuk memperuntukkan masa berkualiti ketika bersama keluarga serta penetapan masa yang sesuai untuk menggunakan gajet turut diadakan dari masa ke semasa sebagai satu bentuk kesedaran kepada ibu bapa.

**Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM)**

- (iv) JKM telah melaksanakan Program Keselamatan Kanak-Kanak Sahabat B.I.J.A.K: Selamat Dan Lindung (Safe & Protect). Program ini telah dilancarkan pada Oktober 2014 melalui

Jabatan Kebajikan Masyarakat dengan kerjasama Kementerian Pendidikan Malaysia dan agensi-agensi kerajaan serta NGO.

- (v) Program ini bertujuan untuk menyebarkan luas maklumat berkaitan aspek keselamatan kanak-kanak termasuk literasi undang-undang kepada kanak-kanak sekolah, ibu, bapa, penjaga, guru-guru serta masyarakat. Kempen ini dijalankan secara berterusan dan sehingga 2020 seramai 96,797 orang kanak-kanak dan 414 sekolah telah mendapat manfaat dari program ini.

### **Institut Sosial Malaysia (ISM)**

- (vi) ISM telah mengadakan beberapa siri **SEMINAR KESELAMATAN KANAK-KANAK : ALWAYS BEWARE AND BE AWARE (ABBA)**, dengan kerjasama JKM.
  - (vii) Seminar ini adalah bertujuan bagi mengadvokasi penglibatan semua pihak terutamanya komuniti supaya memberi sokongan, intervensi dan keterlibatan bersama dalam usaha mencegah jenayah seksual, keselamatan siber dan penggunaan gajet terhadap kanak-kanak
5. KPWKM juga merupakan rakan strategik bekerjasama dengan pihak DIGI melalui ***Digi CyberSAFE Programme*** bagi menerbitkan risalah ***Guide to a family-friendly internet experience*** sebagai panduan kepada ibubapa dan kanak-kanak dalam penggunaan gajet dan melayari Internet.
6. Namun, KPWKM pada masa kini sedang membangunkan satu Dasar Kanak-Kanak Negara yang komprehensif dengan menambahbaik Dasar Kanak-Kanak Negara, Dasar Perlindungan Kanak-Kanak dan elemen kanak-kanak dalam Dasar Pendidikan Kesihatan dan Reproduktif Sosial sedia ada. Memandangkan tempoh Pelan Tindakan dasar-dasar tersebut termasuk PTCOP telah tamat mulai tahun 2015, maka satu Pelan Tindakan akan dibangunkan bagi mengiringi dasar yang baharu ini yang dijangka siap selewat-lewatnya pada Februari 2022.



**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN  
DEWAN NEGARA MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB SENATOR DATUK RAS ADIBA BINTI  
MOHD RADZI**

**TARIKH : 20 OKTOBER 2021 (RABU)**

**SOALAN**

**Datuk Ras Adiba binti Mohd Radzi** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan adakah Kerajaan akan membentangkan pindaan Akta OKU 2008 pada tahun ini serta apakah elemen penguatkuasaan yang akan dimasukkan dalam pindaan akta ini.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) sedang mengambil tindakan untuk menyemak semula Akta Orang Kurang Upaya 2008 [Akta 685]. Dalam usaha menyemak semula Akta Orang Kurang Upaya 2008, KPWKM telah mengadakan beberapa siri bengkel sejak 27 Januari 2016 hingga 20 Ogos 2019. Input daripada bengkel-bengkel ini dijadikan asas untuk semakan Akta Orang Kurang Upaya 2008.

KPWKM komited untuk menambah baik penglibatan golongan Orang Kurang Upaya (OKU) dalam sektor pekerjaan dan penyediaan perkhidmatan kepada OKU. Selain input daripada bengkel, hasil dua kajian yang dijalankan oleh KPWKM melalui Institut Sosial Malaysia (ISM) iaitu Kajian Mengenai Sistem Sokongan Kepada Penjaga OKU di Malaysia dan Kajian Peluang Pekerjaan OKU di Malaysia akan turut dijadikan input pindaan Akta OKU 2008.

KPWKM kini dalam proses mengenal pasti rakan strategik dan penubuhan Pasukan Projek Khas (*Special Project Team- SPT*) bagi semakan Akta OKU 2008. Keahlian SPT akan terdiri daripada wakil persatuan peringkat kebangsaan, ahli akademik, pakar perubatan dan pakar perundangan profesional serta wakil daripada tujuh kategori OKU. Sesi libat urus bersama-sama dengan agensi berkaitan diadakan bagi menyemak keperluan pindaan Akta OKU 2008, membangunkan terma rujukan SPT, mengenal pasti ahli SPT serta menyediakan garis masa (*timeline*). Sehubungan dengan itu, pembentangan cadangan pindaan Akta OKU 2008 dirancang untuk dilaksanakan oleh KPWKM pada tahun 2022.

Akta OKU 2008 merupakan sebuah akta yang berasaskan hak (*rights based law*) dan tidak berbentuk punitif. Mengambil kira perkembangan terkini remedi kehakiman dan perundangan adalah wajar elemen penguatkuasaan dimasukkan dalam akta itu bagi memberikan perlindungan kepada OKU sekiranya berlaku sebarang pelanggaran hak

## SOALAN NO. : 26

yang mendiskriminasikan golongan OKU seperti dalam aspek pendidikan, kesehatan, pekerjaan, aksesibiliti dan sebagainya.

Kementerian ini ada menerima beberapa cadangan pindaan Akta OKU 2008 daripada beberapa pihak yang meliputi pelbagai aspek pindaan. Antaranya ialah cadangan agar elemen penguatkuasaan dan denda dibaca secara Bersama dalam Akta ini seperti Kanun Keseksaan, Undang-undang Kecil Bangunan Seragam 1984 dan Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974. Sehubungan dengan itu, elemen penguatkuasaan yang sewajarnya dimasukkan dalam pindaan Akta OKU 2008 akan dikenal pasti dan diperhalus oleh ahli SPT yang dilantik sebelum dimuktamadkan pada tahun 2022.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN  
DEWAN NEGARA MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB SENATOR PUAN FADHLINA BINTI  
DATO' SIDEK**

**TARIKH : 20 OKTOBER 2021 (RABU)**

**SOALAN**

**Puan Fadhlina binti Dato' Sidek** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan jumlah bilangan pusat jagaan warga emas yang berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat dan bilangan penghuninya yang telah menyempurnakan 2 dos vaksinasi bagi Fasa 1 secara mingguan mengikut tempoh 19 April 2021 sehingga 31 Ogos 2021.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK) melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) telah mengemukakan sebanyak 389 buah Pusat Jagaan Warga Emas Berdaftar kepada Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) untuk tujuan vaksinasi di bawah Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK) Fasa Kedua bagi golongan berisiko.

Mengikut statistik sehingga 31 Ogos 2021, sebanyak 314 buah Pusat Jagaan Warga Emas telah menerima vaksinasi yang melibatkan 6,819 orang penghuni dan 2,365 orang kakitangan pusat jagaan tersebut dan daripada jumlah ini masih terdapat penghuni dan kakitangan yang tidak menerima vaksin kerana mengalami masalah kesihatan. JKJ sentiasa memastikan warga emas di pusat jagaan menerima vaksinasi dengan pemantauan melalui laporan vaksinasi secara mingguan dari Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah/Jajahan/Bahagian/Cawangan dan JKJ Negeri.

Berdasarkan rekod daripada MOSTI sehingga 9 September 2021, sebanyak 3,307,761 warga emas yang telah mendaftar untuk menerima vaksin. Daripada jumlah tersebut, seramai 3,290,257 telah menerima dos pertama dan seramai 3,000,992 telah menerima dos kedua.

Antara langkah-langkah yang diambil bagi memastikan pusat jagaan warga emas menerima Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK) bagi penghuni dan penjaga di premis mereka adalah melalui advokasi dan nasihat yang diberikan oleh Pegawai Diberi Kuasa semasa mereka melakukan pemeriksaan dan pemantauan ke pusat jagaan tersebut terutama semasa pemantauan pematuhan SOP Pencegahan Penularan COVID-19. Selain daripada itu, jaringan kerjasama antara badan bukan kerajaan (NGO) dan komuniti setempat turut dilakukan bagi mengesan pusat jagaan warga emas yang tidak berdaftar untuk menyertai PICK.

## SOALAN NO. : 38

Kementerian juga turut bekerjasama dengan Kementerian Kesihatan Malaysia dan MOSTI dalam pelaksanaan COVID-19 *Mobile Vaccination Unit* iaitu PPV yang menggunakan konsep unit bergerak atau *mobile team* bagi memastikan sasaran imuniti kelompok tercapai. *Mobile team* ini mengesan kumpulan sasar Kementerian seperti Orang Kurang Upaya dan warga emas yang tidak mempunyai akses untuk hadir secara fizikal ke PPV.

Kementerian melalui JKM akan terus memberikan komitmen yang padu dan jitu dalam memastikan kesejahteraan penghuni di Pusat Jagaan Warga Emas terpelihara dan menggesa agar semua pusat jagaan yang masih belum berdaftar, untuk tampil berdaftar dengan JKM bagi memastikan kesihatan, kebajikan, keselamatan dan kesejahteraan penghuni terjamin.

Sekian, terima kasih.